

# Azizan: Jangan salahkan orang lain

UM - 4 DEC 1999

**A**LOR SETAR 3 Dis. — Bekas Exco Kerajaan Negeri, Datuk Azizan Taib menegaskan, Tan Sri Sanusi Junid tidak perlu membuang masa dengan menuding jari dan menyalahkan orang lain berhubung prestasi buruk Barisan Nasional (BN) Kedah pada pilihan raya umum lalu.

Sebaliknya, tegas beliau, Sanusi selaku Pengerusi Badan Perhubungan UMNO Negeri perlu menjalankan 'bedah siasat' dengan segera bagi mengelakkan BN Kedah daripada menerima nasib lebih buruk pada pilihan raya akan datang.

"Jangan tunggu sehingga lima tahun lagi baru hendak bedah siasat kerana jika tidak BN di Kedah akan 'angkat bungkus' tidak lama lagi," katanya ketika dihubungi oleh *Utusan*, di sini hari ini.

Menurut beliau, Sanusi yang harus memastikan jentera BN akan bersinar

kembali untuk mematahkan apa juga serangan yang bakal dihamburkan oleh pembangkang.

"Saya sendiri begitu terkejut sehingga dua tiga hari kerana tidak menyangka sama sekali BN akan menerima pukulan yang sehebat itu dari parti pembangkang," katanya.

Azizan berkata demikian ketika diminta mengulas mengenai prestasi BN Kedah yang begitu buruk sehingga kehilangan 12 kerusi Dewan Undangan Negeri dan lapan kerusi Parlimen kepada Pas dalam pilihan raya lalu.

Malah ada pihak yang menganggap parti pembangkang, terutama Pas, sudah menguasai Kedah kerana menang di lapan kerusi Parlimen berbanding tujuh kerusi yang dimenangi oleh BN walaupun BN masih mengekalkan dua pertiga kerusi di Dewan Undangan Negeri.

Sementara itu, seorang calon Parlimen BN yang

tumbang pada pilihan raya lalu, berpendapat Sanusi sebagai Pengerusi Perhubungan UMNO Negeri perlu mengakui bahawa kekalahan teruk BN di Kedah berpunca daripada dirinya sendiri.

"Sanusi sebenarnya tidak mengambil kisah untuk pergi melawat ke UMNO di bahagian-bahagian sebagaimana yang pernah dilakukan oleh bekas Menteri Besar, Tan Sri Osman Aroff.

"Osman menjadikan lawatan ke bahagian-bahagian dan cawangan-cawangan UMNO sebagai program utamanya berbanding dengan Sanusi yang langsung tidak ingin menjenguk muka untuk berkenalan dengan orang bawahan," katanya.

Di samping itu, katanya, Sanusi juga membuat pilihan calon mengikut kehendak dirinya sahaja tanpa berunding terlebih dahulu dengan UMNO bahagian.

"Calon yang dipilihnya bukan sahaja yang tidak

pernah menang ketika bertanding di peringkat bahagian serta tidak popular, malah selama ini juga tidak pernah nampak muka kerana tinggal di tempat lain," katanya.

Beliau mendakwa, sebenarnya bahagian-bahagian UMNO juga lebih suka kalau calon yang mereka pilih sendiri untuk bertanding di dalam pilihan raya kerana lebih memahami kehendak penduduk setempat.

"Sebaliknya Sanusi meletakkan calon sesuka hatinya dan sikapnya itu telah menghampakan ahli-ahli UMNO di peringkat bahagian," tambahnya.

Akibat daripada kekecewaan itu, kata beliau, ramai ahli UMNO dan para penyokong BN yang tidak mahu membantu calon-calon BN sebagai tanda protes terhadap Sanusi dan bukan menolak Perdana Menteri, Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad.